

**KESEJAHTERAAN KELUARGA MENURUT PERSPEKTIF ISLAM: KAJIAN KUALITATIF.** Oleh: Ahmad Hariri Mohd Saat dan Raihanah Azahari. 2021. Jurnal Syariah, Jil. 29, Bil. 3 (2021). Halaman 481-508. e-ISSN: 0127-1237.

Keluarga adalah unit asas kepada pembentukan masyarakat. Islam sangat menitikberatkan pembinaan keluarga yang berkualiti melalui perkahwinan yang sah. Pembinaan keluarga yang baik mampu melahirkan generasi muda yang unggul dan berketerampilan selain dapat menyelamatkan masyarakat daripada masalah sosial yang berleluasa.

Artikel ini dimuatkan dalam Jurnal Syariah terbitan Penerbit Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Ia mempunyai 28 halaman dan terdiri daripada 6 subtopik. Penulisan ini meliputi pengenalan, konsep keluarga bahagia, metodologi serta hasil kajian dan perbincangan. Ia juga membincangkan ciri-ciri atau pendekatan lain ke arah perkahwinan yang berkekalan dan diakhiri dengan kesimpulan. Penulis merupakan Hakim Syarie Mahkamah Rendah Syariah Tanah Merah. Bidang kepakaran penulis adalah undang-undang keluarga Islam. Penulisannya banyak berkisar tentang keluarga khususnya pendekatan kesejahteraan dan pemantapan sesebuah institusi keluarga. Bagi penulisan artikel ini, ia sangat menarik untuk dibaca kerana membincangkan kaedah dalam membentuk keluarga yang bahagia dan sejahtera. Karya ini dilihat menjadi keperluan bagi individu Muslim khususnya yang bakal melangsungkan perkahwinan. Selain itu, ia juga sangat membantu pasangan yang baru berumahtangga agar bersedia dengan kemungkinan dan cabaran-cabaran yang bakal dilalui.

Secara keseluruhannya, ia disusun dengan penulisan yang sistematik dengan memberi gambaran kepada pembaca mengenai konsep keluarga bahagia. Pada awal penulisan ini, penulis menyatakan bahawa terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada perkahwinan yang bahagia seperti wujudnya komunikasi yang berkesan, sifat saling menghormati dan perasaan dihargai, kepercayaan dan kesetiaan, hubungan seksual yang baik serta adanya kasih sayang dan komitmen. Selain itu, adanya sifat saling menjaga hubungan sesama pasangan, tiada unsur-unsur penganiayaan dan kelahiran anak turut mempengaruhi kualiti sesebuah perkahwinan.

Menurut Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), “kesejahteraan keluarga” merujuk kepada keadaan keluarga di suatu negara yang berada pada tahap yang selamat, sihat, damai, selesa, harmoni dan memuaskan. Kaedah terbaik untuk mencapai kebahagiaan hakiki menurut Imam al-Ghazali adalah melalui rohani dan minda yang terpelihara. Prinsip umum untuk mencapai matlamat kehidupan berkeluarga yang baik dan perkahwinan yang bahagia adalah melalui elemen agama iaitu melalui penyatuan iman dan amal soleh.

Ibn Kathir menjelaskan bahawa terdapat beberapa ciri penting untuk mencapai kebahagian dalam perkahwinan iaitu melalui perkataan yang baik, perbuatan yang mulia, persekitaran yang kondusif, pergaulan yang sopan dan komited dalam hubungan perkahwinan. Apabila berlaku *nusyuz*, Islam mengajarkan kaedah *sulh*. *Sulh* merupakan salah satu kaedah penyelesaian pertikaian yang diajar oleh agama Islam. Penting bagi setiap pasangan mengambil cakna tentang penyelesaian konflik dalam rumah tangga agar penceraian dapat dielakkan sebagaimana yang dirakamkan oleh Allah SWT dalam surah al-Nisa ayat 128 (Sabri, M. N. A. M., & Ab Hamid, N, 2021). Selain itu, antara ciri penting untuk mencapai kebahagian dalam perkahwinan adalah tidak menggunakan kekerasan, paksaan dan menyakiti pasangan.

Subtopik berikutnya adalah metodologi. Penulisan ini menggunakan metod kajian kualitatif. Data-data dikumpulkan melalui pemerhatian, temu bual, penulisan diari, dan analisis dokumen. Antara objektif kajian ialah mengenal pasti kaedah mencapai perkahwinan yang bahagia serta dapat mengekalkan perkahwinan. Kajian juga memfokuskan pengurusan ketika menghadapi kesukaran dan halangan serta kaedah menyelamatkan hubungan daripada perpecahan.

Seterusnya, kemuncak kepada kandungan artikel ialah hasil kajian dan perbincangan. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, terdapat beberapa faktor yang menjamin keharmonian dan kelestarian sesuatu perkahwinan iaitu keagamaan, komitmen, komunikasi, kepuasan, keikhlasan dan rasa hormat, kelahiran anak-anak, sokongan kewangan, positif dalam perhubungan serta kepuasan dalam perkahwinan. Dapatkan temu bual dipersembahkan mengikut tema-tema tertentu berdasarkan analisis yang dibuat.

Elemen keagamaan menjadi elemen yang sangat penting dalam kehidupan berkeluarga. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa solat, berdoa, membaca al-Quran dan solat berjemaah dapat mengukuhkan hubungan dengan Allah SWT. Secara tidak langsung, dipercayai mempunyai kesan ke atas pelbagai keputusan hidup mereka. Amalan tersebut telah membantu mengatasi ketegangan dalam kehidupan seperti perasaan marah, terluka dan ketakutan serta membantu mengukuhkan perkahwinan mereka.

Sekiranya tiada penghayatan keagamaan, ia boleh menyumbang kepada berlakunya konflik dan kepincangan dalam keluarga dan masyarakat. Sebagai contoh, pengabaian solat memberikan kesan kepada masalah keretakan rumah tangga. Kajian oleh Nurhanisah dan Raihanah (2016) juga menunjukkan bahawa pelaksanaan solat fardu adalah lemah dalam kalangan suami isteri yang mempunyai konflik di Selangor. Kenyataan ini turut disokong oleh Rogayah (2021) yang menyatakan bahawa perceraian yang meningkat di Selangor setiap tahun berpunca daripada kurangnya penghayatan agama dalam kalangan suami isteri.

Jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan solat fardu secara sempurna mampu menghindari konflik rumah tangga. Mereka yang mempunyai konflik rumah tangga mengakui bahawa pelaksanaan solat mereka berada pada tahap yang lemah (Nor Dalilah & Raihanah, 2013). Hasil kajian turut mendapati hanya seorang responden selalu menunaikan solat sunat, lima orang responden kadang-kadang menunaikan solat sunat, manakala selebihnya iaitu empat orang tidak pernah menunaikan solat sunat (Nurhanisah Hadigunawan & Raihanah Azahari, 2016).

Pelaksanaan solat secara berjemaah juga mampu menghindari daripada konflik kekeluargaan. Keluarga yang berkonflik rata-ratanya tidak menjadikan amalan solat berjemaah sebagai amalan harian. Sebagaimana kajian oleh Nurhanisah Hadigunawan dan Raihanah Azahari (2016) menunjukkan bahawa solat berjemaah dalam kalangan suami isteri tidak diperaktikkan dalam kehidupan berkeluarga mereka.

Selain elemen keagamaan, sikap kompromi atau bertolak ansur turut memainkan peranan yang penting dalam kehidupan suami isteri. Tidak dinafikan bahawa setiap individu mempunyai pandangan, idea dan keperluan yang berbeza. Bertolak ansur dengan perbezaan pendapat menjadikan kehidupan lebih mudah bagi kedua-dua pasangan. Dengan kata lain, kesediaan untuk menerima pandangan yang berbeza mampu mempengaruhi kebahagiaan sesuatu perkahwinan. Selain itu, sikap hormat menghormati, amanah, persefahaman, berkasih sayang dan tidak menganiaya pasangan juga merupakan kaedah yang penting untuk menjamin

kebahagiaan dan kesejahteraan keluarga. Pada tahun awal perkahwinan, perasaan hormat, amanah dan persefahaman yang diterima daripada pasangan adalah penting untuk mendapat kepuasan perkahwinan. Perasaan hormat, amanah, persefahaman perlu dibina secara beransur-ansur dalam tahun-tahun awal perkahwinan.

Kasih sayang juga merupakan elemen yang penting dalam hubungan perkahwinan. Hal ini kerana apabila dua orang berkasih sayang antara satu sama lain, maka menjadi mudah bagi mereka untuk bertolak ansur dengan kelemahan masing-masing dan saling memaafkan kesilapan. Memahami kekuatan, kelemahan dan harapan pasangan juga akan menjadikan hubungan bertambah baik. Amanah dan saling mempercayai pasangan juga adalah antara elemen penting dalam perkahwinan bahagia. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Siti Rashidah et.al (2023), terdapat beberapa asas pembentukan keluarga yang harmoni telah digariskan dalam Islam. Antara asas tersebut ialah iman dan takwa, *al-mawaddah wa al-rahmah* (berkasih sayang), *husn al-mu'asyarah* (pergaulan yang baik), amanah dan keadilan.

Penulis merumuskan bahawa faktor kebahagiaan sesebuah keluarga bergantung kepada elemen keagamaan, kepuasan perkahwinan, bertolak ansur serta cinta dan kasih sayang. Kepercayaan, persefahaman, komunikasi dan tiada penganiayaan juga mempengaruhi kebahagiaan sesebuah perkahwinan. Selain itu, kebahagiaan perkahwinan sangat berkaitan dengan komitmen. Pasangan suami isteri perlu sedar bahawa perkahwinan adalah sebuah institusi yang memerlukan komitmen jangka panjang.

Perlu diingatkan bahawa kepelbagaiannya faktor tersebut adalah kerana kebahagiaan merupakan suatu yang subjektif dan ia bergantung kepada individu tersebut. Pasangan yang telah lama mendirikan rumah tangga dilihat mengalami corak kebahagiaan yang agak stabil, kurang kesusahan dan mengalami lebih kepuasan serta persefahaman dalam perkahwinan. Hal ini kerana pengalaman dalam menguruskan rumah tangga menjadikan mereka lebih matang. Penulisan yang menggunakan metode kajian kualitatif ini dilihat mencapai objektif sebagaimana yang dinyatakan.

Walau bagaimanapun, terdapat perkara yang perlu ditambahbaik oleh penulis seperti penambahbaikan dari aspek isi dan teknikal meliputi struktur ayat, ejaan dan format. Dari aspek isi, pertamanya ialah penggunaan perkataan responden perlu ditukar kepada peserta kajian kerana ia lebih bertepatan untuk temu bual. Manakala perkataan responden digunakan dalam metode kuantitatif melalui instrumen soal selidik.

Seterusnya, perlu penambahbaikan dari aspek struktur ayat ini “Dalam Allah SWT berfirman di dalam al-Quran (ms487)”. Ia kurang difahami. Bagi struktur ayat ini pula, “Dalam kajian ini, temu bual dijalankan untuk mengenal pasti kaedah mencapai perkahwinan yang bahagia serta dapat mengekalkan perkahwinan para informan” dicadangkan agar perkataan para informan dibuang. Bagi ayat seterusnya “Kajian ini juga menumpukan pengurusan mereka dalam menghadapi kesukaran dan halangan, serta bagaimana hubungan mereka terselamat daripada perpecahan dan pandangan serta nasihat mereka kepada generasi muda yang belum dan telah berkahwin” (halaman 492), didapati ayat agak panjang kerana memuatkan dua elemen penting di dalamnya. Dicadangkan agar ayat tersebut diasingkan supaya dapat mencapai maksud dan memudahkan bacaan pembaca.

Struktur ayat seterusnya iaitu “Pasangan mengakui bahawa kadangkala dalam tempoh perkahwinan, mereka berlaku,tidak adil terhadap pasangan mereka” (ms 500). Kesalahan koma

selepas perkataan “berlaku” dan tiada noktah selepas perkataan “mereka”. Selain itu, terdapat pengulangan ayat “satu” pada ayat ini “Ini kerana apabila dua orang berkasih sayang antara satu sama lain” (ms 501). Ayat kelihatan tergantung pada ayat berikut “Kajian ini dilakukan untuk melihat unsur-unsur yang diperlukan bagi perkahwinan yang bahagia”. (ms 505). Dicadangkan agar menambah perkataan “menghasilkan” selepas perkataan bagi.

Penambahbaikan seterusnya adalah dari aspek teknikal meliputi ejaan. Pertamanya ialah kesilapan ejaan pada perkataan kebahagiaan iaitu ditulis “kebahagian” pada 12 tempat bermula pada halaman 483. Perkataan meluangkan pula ditulis sebagai “meluangkan” halaman 486. Ejaan s.a.w perlu diselaraskan kepada SAW mengikut edisi Dewan Bahasa dan Pustaka. Ia perlu ditulis huruf besar tanpa diselangi noktah. Seterusnya perlu penambahbaikan dari aspek ejaan perkataan anugerah di mana ditulis “Anaugerah” pada halaman 486.

Terdapat kesilapan ejaan pada perkataan keperluan pada ayat berikut, “Melalui proses komunikasi yang berkesan pasangan dapat menyatakan keinginan, harapan dan juga keperluan untuk dipenuhi” (ms 498). Perkataan responden dieja salah “Respondan” (ms 500), penaniayaan ms 501. Perkataan reda juga salah ditulis “redha” pada halaman 505. Perkataan bagaimanapun sepatutnya dirapatkan. Lihat bagaimana pun (ms 486). Penggunaan kata sendi “di” juga perlu diberi perhatian. Perkataan “Di” perlu dibuang pada ayat berikut “Di dalam Islam” (ms 488) dan “Di dalam al-Quran”. Perkataan berpuashati perlu ditulis jarak iaitu berpuas hati (ms 496). Seterusnya adalah kesalahan meletakkan huruf “k” pada perkataan “Kebanyakkan” pada halaman 501 dan “peruntukkan” pada halaman 505. Ia perlu ditulis dengan hanya satu “k” sahaja.

## Rujukan

- Nor Dalilah Zakaria & Raihanah Azahari. (2013). Hubungan Antara Tahap Pelaksanaan Solat Fardu dengan Konflik Rumah Tangga: Kajian di Unit Rundingcara Keluarga (URK) Bahagian Perkahwinan. *Jurnal Syariah*. 21/2 (2013): 145-164.
- Nurhanisah Hadigunawan & Raihanah Azahari. (2016). Penghayatan Islam Dan Hubungannya Dengan Konflik Rumah Tangga: Kajian Di Unit Runding Cara, Bahagian Undang-Undang Keluarga, Jabatan Agama Islam Selangor. *Jurnal Syariah*. Jil. 24, Bil. 3 (2016) 393-422.
- Nur Zahidah Hj Jaapar & Raihanah Hj Azahari. (2011). Model Keluarga Bahagia Menurut Islam. *Jurnal Fiqh*, vol. 8 (2011): 25-44.
- Rogayah Estar Mohamad. (2021). Punca Penceraihan Pasangan Dewasa Islam: Perspektif Badan Pelaksana: Causes Of Divorce In Muslim Adult Couples: Perspectives Of The Implementing Body. *Journal of Fatwa Management and Research*, 26(2), 368-380.
- Sabri, M. N. A. M., & Ab Hamid, N. (2021). Sulh dan Perdamaian: Aplikasinya Menurut Perspektif Islam. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6 (24), 76-83.
- Siti Rashidah Abd Razak, Siti Zaleha Ibrahim & Noraini Mohamad. (2023). *Tasawwur Islam*. Selangor: Hizfez Ventures.

## Siti Zaleha binti Ibrahim

Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam,  
Pusat Pengajian Teras,  
Universiti Islam Selangor.